

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SBU 422 - Isu-Isu Terpilih Dalam Pengajian Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan daripada soalan-soalan berikut:

1. Tenaga adalah suatu faktor yang begitu penting dalam sejarah tamaddun manusia. Apakah masa depan manusia dari segi sumber-sumber tenaga dan teknologi tenaga yang mungkin akan dimajukan?

(100 Markah)

2. Huraikan perkara-perkara berikut:

- [i] kesan rumah kaca
- [ii] pemusnahan lapisan ozon
- [iii] hujan asid

Apakah pendapat anda terhadap usaha-usaha antarabangsa untuk mengurangkan pelepasan gas-gas rumah kaca dan CFC kepada atmosfera.

(100 Markah)

3. Apakah kesan-kesan ke atas ekosistem akibat daripada pemusnahan hutan hujan tropika. Berikan pendapat anda mengenai dasar kerajaan Malaysia dalam perkara ini.

(100 Markah)

... 2/-

4. Bincangkan faktor-faktor yang berkait dengan kebuluran di benua Afrika.

(100 Markah)

5. Huraikan secara ringkas sejarah kependudukan manusia mulai daripada revolusi pertanian yang berlaku 10,000 tahun dahulu. Bincangkan juga transisi demografik yang berlaku di negara maju dan perbezaannya dengan negara-negara Dunia Ketiga.

(100 Markah)

6. Huraikan konsep "Pembangunan Berterusan". Bincangkan juga secara kritis kenyataan bahawa aktiviti manusia telah melebihi daya penangungan ekosistem sedunia.

(100 Markah)

- oooOooo -